

BAB 5

KAJIAN TEMA FIKSYEN FANG BEIFANG

Fang Beifang merupakan penulis fiksi yang amat subur penanya. Dalam apoh masa lebih daripada setengah abad,¹ beliau gigih berusaha dan menghasilkan sebanyak 18 buah fiksi iaitu 11 buah novel dan 7 buah antologi pen. Walau bagaimanapun, Fang Beifang lebih memperlihatkan kekagumannya dalam genre novel. Daripada 11 buah novel yang dihasilkan oleh Fang Beifang, dapat dua trilogi iaitu *Fengyun sanbuqu* 风云三部曲 (Trilogi Gerila) dan *Malaiya sanbuqu* 马来亚三部曲 (Trilogi Malaya).² Penghasilan fiksi yang banyak khasnya dua-dua triloginya telah mengharumkan nama Fang Beifang serta memperkukuhkan kedudukannya dalam dunia KMM. Dalam bab ini, perbincangan kumpulan pada tema yang berlatarbelakangkan masyarakat tempatan sahaja. Jadi, *Fengyun sanbuqu* yang menggambarkan keadaan perang semasa serangan tentera pun di negeri China tidak diambil kira dalam analisis ini.

Fang Beifang mula menceburkan diri dalam dunia penulisan pada tahun 1930-an sehinggalah tahun 1990-an.

Fengyun Sanbuqu terdiri daripada *Chi liang de zaochen* 迟亮的早晨 (Subuh Terlewat), *Shana de zhengwu* 刹那的正午 (Tengah Hari Menyingsing Sejenak), dan *Huanmie de huanghun* 幻灭的黄昏 (Senjak Yang Lenyap). *Trilogi Malaysia* pula terdiri daripada *Shu da gen shen* 树大根深 (Pokok Berakar Tunjang), *Toujia menxia* 头家门下 (Keluarga Taukeh) dan *Hua piao guo duo* 花飘果堕 (Keguguran Bunga Keguguran Daun).

Terdapat pelbagai tema yang disentuh dalam karya fiksiyen Fang Beifang. Keseluruhannya, novelnya lebih banyak memaparkan realiti masyarakat Cina Asia secara menegak, iaitu mededahkan sejarah bagaimana nenek moyang Cina berbanting tulang, menderita dan giat berusaha demi pembangunan Asia. Sementara cerpennya pula menampilkan paranoma watak manusia dalam masyarakat Cina. Pada keseluruhannya, tema fiksiyen Fang Beifang dapat dihatikan seperti berikut:

Pengalaman hidup orang Cina di Malaysia

Ekonomi masyarakat Cina

Pendidikan masyarakat Cina

Etika dan budaya

Keluarga

Percintaan dan perkahwinan

Interaksi kaum

Kahwin campur

Penderitaan golongan miskin

Mengutuk amalan konvensional yang negatif

Pengalaman Hidup Orang Cina di Malaysia

Mengikut Chen Xianmao 陈贤茂, karya fiksyen Fang Beifang merupakan ulan imej tentang sejarah orang Cina Malaysia. Tema karya fiksyennya bervisi a dan mempertunjukkan semangat gagah yang menebal terhadap nusa dan gsanya. Karya Fang Beifang juga memaparkan kerealitian perubahan yarakat Cina sebelum Perang Dunia Kedua sehingga kemerdekaan Malaysia. pas Perang Dunia Kedua, negara-negara di Asia Tenggara dilanda ideologi kan pembebasan penjajah dan banyak negara telah mencapai kemerdekaan. s perkembangan zaman ini turut mempengaruhi pemikiran orang Cina di aya khususnya ketika Malaya mencapai kemerdekaan (Chen, 1993: 32).

Dalam *Shu da gen shen* dan *Nyonya dan baba*, Fang Beifang mendedahkan galaman hidup imigran Cina yang datang beramai-ramai pada akhir kurun ke-19 awal kurun ke-20an. Para perantau yang datang ke Tanah Melayu lazimnya aksa mengharungi kehidupan yang rumit. Dalam perjalanan mereka ke negara i Tenggara, mereka ditempatkan di dalam kapal kecil yang sesak. Cuba ratikan bagaimana golongan *zhuzai* (buruh kasar) ini terpaksa mengalami daan buruk semasa megharungi lautan dan merantau ke Asia Tenggara:

Lebih daripada dua ratus orang *zhuzai* yang ditempatkan dalam kabin kapal yang sempit, peredaran udara yang buruk serta kekurangan cahaya. Orang ramai yang terlalu penuh sesak sehingga "tergeser kena miangnya, terlanggar kena rebasnya", dan semasa mereka bernafas

mereka akan terhidu bau busuk orang. Di situlah tempat makan dan tempat buang air besar dan kecil (Fang, 1985a: 110).

Zhuzai yang datang dari negeri China itu kemudian akan mendarat ke negara-negara di Asia Tenggara. *Shu da gen shen* menggambarkan secara nyata bagaimana kehidupan yang rumit para pendatang Cina itu.

Setelah mereka mendarat, mereka akan diberikan dua helai baju dan segulung tikar. Selepas itu mereka ditempatkan di asrama dagangan *zhuzai*. Tempat dagangan *zhuzai* bagaikan penjara yang ketat dan kesemua *zhuzai* tidak dibenarkan melangkah keluar dari kawasan tersebut. Selepas beberapa hari tuan majikan akan datang ke asrama tersebut dan memilih *zhuzai* yang mereka minati dan kemudiannya *zhuzai* tersebut akan menggadaikan diri kepada tuan majikan. ...

Zhuzai ini akan bekerja dengan tuan majikan yang membeli mereka. Ada yang bekerja di ladang getah, lombong bijih; ada pula yang terpaksa membuka kawasan hutan belukar untuk bercucuk tanam....

Mereka dikehendaki bangun awal dan setelah bersarapan pagi terus bekerja sehingga lewat petang. Jikalau didapati ada yang malas, mereka akan disebat malahan ada yang dibelasah dengan kayu. Bagi mereka yang membangkang, *zhuzai* itu akan dikurung dalam sangkar dan dihukum jemur di bawah cahaya matahari terik sehingga mati. Mereka kemudiannya dimasukkan dalam sangkar babi dan dibuangkan ke dalam laut...

Selain daripada penganiayaan daripada "kepala" (ketua pekerja), mereka juga sering diserang oleh binatang buas seperti harimau, ular, dan babi hutan liar. Kadang kala mereka juga dijangkiti penyakit.

Pengalaman hidup *zhuzai* ini amat sengsara. Walaupun mereka bekerja keras namun gaji kerja sehari cuma empat setengah sen. Jika mereka bekerja tiga ratus enam puluh lima hari setahun, wang yang dapat mereka perolehi cuma enam belas ringgit enam sen sahaja. Tambahan pula jika *zhuzai* tidak tahu mengawal hawa nafsu mereka dan terjerat dalam tipu muslihat ketua pekerja. Ketua pekerja yang oportunis itu membuka kedai runcit, kasino serta tempat pelacuran yang memancing hawa nafsu *zhuzai*. Jika *zhuzai* menghabiskan wang ringgit maka mereka akan menggadaikan semula diri mereka kepada tuan majikan walaupun tempoh pajakan mereka sudah tamat (Fang, 1985a: 110-111).

Gambaran penderitaan hidup *zhuzai* yang dibentangkan di atas, seakan-akan suatu dokumentasi yang menghuraikan secara terperinci keadaan yang sebenar. Ini selaras dengan pandangan sastera Fang Beifang dalam Bab Tiga yang menganggap sesuatu karya sastera sebagai produk zaman yang mencatatkan kerealitian (Rujuk Bahagian 3.3.1).

Selain daripada memaparkan nenek moyang orang Cina yang terpaksa mengharungi ranjau hidup yang menusuk hati, satu kejayaan yang dicapai oleh Fang Beifang ialah mempamerkan semangat perjuangan nenek moyang orang Cina dalam proses pembebasan diri daripada belenggu tuan mereka. Huaren 华仁 dalam *Shu da gen shen*, Li Tianfu 林阿福 dalam *Nyonya dan Baba* dan Lin Afu 林阿福 dalam *Toujia menxia* ialah watak pendatang Cina yang mendirikan empayar ekonomi masing-masing. Mereka terpaksa berbanting tulang dengan tidak keletihan sehingga akhirnya berjaya menebuskan diri daripada menjadi *zhuzai*. Selepas itu mereka mempelopori dalam kerjaya mereka dan akhirnya berjaya menimba kekayaan.

Ketiga-tiga contoh ini digunakan oleh Fang Beifang untuk menunjukkan bagaimana pendatang Cina terpaksa mengalami pengalaman pahit dan kehidupan yang susah pada peringkat awal mereka merantau ke Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, oleh sebab kegigihan dan ketabahan hati, akhirnya mereka berjaya

menimba kekayaan. Kejayaan mereka ini seterusnya telah menjadi daya penggerak kepada pembangunan ekonomi di Tanah Melayu.

Di samping mendedahkan pengalaman hidup imigran Cina, Fang Beifang juga memperlihatkan perubahan pemikiran orang Cina di Malaysia. Perubahan pemikiran mereka dipengaruhi oleh perkembangan politik dalam sama ada di Malaysia ataupun di negeri China. (Perbincangan tentang pertukaran pemikiran pendatang Cina akibat pertukaran identiti mereka akan diperbincangkan secara terperinci dalam Bab Enam).

Satu lagi kejayaan Fang Beifang dalam usaha menangkap perkembangan pengalaman hidup orang Cina di Malaysia ialah gambaran mengenai pengalaman hidup golongan baba dan nyonya.³ Ini dapat diperhatikan dalam novel *Nyonya dan baba*. Novel ini menggambarkan bagaimana pengalaman hidup tiga generasi Cina, iaitu datuk (Li Tainfu 林阿福 dan nenek (Lin Nyonya 林娘惹), anak (Lin Baba 林峇峇), dan cucu (Lin Xiba 林细峇) dalam arus perkembangan zaman. Nyonya dan baba ialah peranakan Cina yang telah lama bermastautin di Tanah Melayu. Ibu bapa

³ Menurut karya Wu Jin 吴进, *Baba*, baba dan nyonya ialah peranakan Cina yang dilahirkan di Tanah Melayu. Ibu bapa mereka merupakan generasi kedua atau kelima, keenam yang telah lama merantau dan menetap di sini. Golongan orang Cina ini telah putus hubungan dengan negara asal mereka (China). Mereka berpelajaran Inggeris dan lebih banyak bertutur bahasa Melayu atau bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa lokhat Cina di rumah. Wanita Cina ini memakai pakaian sarung serta baju kebaya. Mereka tidak menggunakan penyepit makanan semasa makan, tetapi menggunakan tangan atau sudu garpu. Kebanyakan mereka menjadi pegawai kerajaan, pekedai atau peniaga. Wu Jin menyifatkan mereka sebagai imigran Cina yang Ke-Melayuan stail Barat. Rujuk Wu Jin 吴进 dalam Chen, 1993: 33.

mereka merupakan generasi kedua, ketiga atau lebih, yang menetap di sini. Lantaran, cara hidup dan budaya golongan nyonya dan baba ini diasimilasi separa⁴ oleh kebudayaan kaum tempatan, sama ada budaya orang Melayu mahu pun budaya Barat. *Nyonya dan baba* cuba mengupaskan soal tentang pengeseran pemikiran dan budaya antara golongan nyonya dan baba dengan imigran Cina dalam arus peralihan zaman.

Watak Lin Nyonya dan Lin Baba dalam novel *Nyonya dan Baba*, mempunyai cara hidup yang ke-Melayuan dan pemikiran yang pro Barat.

Seseorang diharuskan memakai sarung di rumah. Sarapan pula mesti digantikan roti dan teh, makanan tengah hari dan malam pula mesti kari sambal dan tidak lagi menggunakan penyepit makanan (Fang, 1954: 60).

Nyonya dan baba memandang rendah terhadap imigran Cina dan mendewakan budaya Barat. Malahan yang menyedihkan ialah komuniti Cina nyonya dan baba ini menganggap tanah air mereka ialah England. Ini merupakan suatu sindiran yang tajam penulis terhadap golongan nyonya dan baba yang seperti kacang lupakan kulit:

Kalau ada sesiapa yang menanya tanah airnya, dia (Lin Baba) akan menjawab "Tanah airku ialah England." Dia berasa bangga jika menjawab sedemikian (Fang, 1964: 105).

Sindiran itu terbayang pula nada-nada kebimbangan dan ketakutan penulis terhadap pengaruh budaya Barat khasnya yang berkemungkinan akan

⁴ Menurut Tan Chee Beng, kebudayaan masyarakat baba diasimilasi separa atau akulturasi oleh budaya bumiputra tempatan, rujuk 1984: 167.

menenggelamkan budaya Cina. Maka penulis seolah-olah berhasrat mencari jalan penyelesaian supaya menyala semula obor budaya Cina di kalangan masyarakat nyonya dan baba. Beliau menukilkan bahawa pendidikan Cina merupakan salah satu cara penyelesaian yang dapat mencorak dan mengubah pemikiran seseorang seterusnya menanam bibit-bibit budaya.

Cuba kita perhatikan watak Lin Nyonya, Lin Baba dan Lin Xiba dalam novel *Nyonya dan baba*. Lin Nyonya ialah seorang peranakan Cina yang merupakan generasi kedua. Bapanya berasal dari negeri China dan telah bermastautin di Tanah Melayu. Dia digelar “nyonya” dalam masyarakat Cina dan mempunyai cara hidup Ke-Melayuan serta berpemikiran stail Barat. Semasa dia berumur dua belas tahun, keluarganya menghantarnya belajar di sekolah Inggeris. Pendidikan Inggeris telah mempengaruhi tingkah lakunya. Namun oleh sebab dia berasal dari keluarga Cina, kesan budaya Cina masih kelihatan padanya. Ini dapat kita perhatikan semasa suami pertamanya meninggal dunia, dia membuat keputusan tidak kahwin lagi dan berhasrat akan berjanda demi suami pertamanya (walaupun kemudiannya dia berkahwin lagi). Tindakannya sedemikian memang sedikit sebanyak dipengaruhi oleh budaya Cina.

Anak Lin Nyonya, Lin Baba pula, merupakan generasi Cina yang ketiga. Sejak kecil lagi dia diasuh dalam sebuah keluarga yang berpemikiran Barat dan cara hidup ke-Melayuan. Ibunya yang berpendidikan Inggeris bertutur bahasa Inggeris

dengannya dan menghantarkan dia ke sekolah Inggeris. Dalam erti kata lain etika murni tradisi budaya Cina kian tipis malah pupus dalam ingatan Lin Baba. Dia amat angkuh dan hanya mementingkan keseronokan diri sendiri.

Lin Baba langsung tidak menghormati bapa keduanya. Tiada sesiapa pun yang dapat menasihatinya. Segala harta pusaka ibunya banyak dihaburkan ke jalan masiat dan membazir begitu sahaja. Tingkah lakunya yang tidak bertimbangarasa itu telah menyebabkan kematian ibu dan isterinya. Namun, dia masih tidak berkesal. Semasa kedudukan tentera Jepun, dia memperalatkan kemudaan dan kecantikan isteri keduanya supaya berbaik dengan tentera Jepun demi mengaut keuntungan diri sendiri. Selepas Perang, isterinya telah meninggalkannya dengan membawa lari wang ringgitnya. Dia sendiri pula dijangkiti penyakit teruk. Hidupnya selepas itu seperti kayu mati yang menunggu detik untuk jatuh melumpuhi diri ke bumi. Tiada sesiapa pun yang menghiraukannya kecuali seorang saudaranya dan anaknya, Lin Xiba.

Lin Xiba dibesarkan di keluarga seorang saudaranya. Penulis kelihatan berniat memperwujudkan watak Lin Baba dan Lin Xiba sebagai perbandingan yang menonjolkan bagaimana pengaruh pendidikan dan budaya terhadap tingkah laku seseorang. Misalnya, dalam karya beliau, Lin Baba berpendidikan Barat yang tipis nilai etikanya, manakala Lin Xiba yang diperbesarkan dalam keluarga yang berpendidikan Cina mempunyai nilai etika yang murni. Walaupun Lin Xiba

ditinggalkan bapanya (Lin Baba) sejak kecil lagi, namun dia tetap membalas budi bapanya dengan menjaganya semasa dia sakit tenat. Kewujudan kontradiksi tingkah laku antara watak Lin Baba dengan Lin Xiba adalah akibat pengaruh budaya yang berlainan. Fang Beifang mengolahkan plot cerita yang sedemikian bukan sahaja mendedahkan cara hidup dan pemikiran golongan nayonya dan baba, tetapi juga dengan tujuan memberi penjelasan tentang budaya Cina dalam evolusi penyesuaian dan mencorakkan masyarakat Cina.

Secara keseluruhannya, dalam usaha membentangkan pengalaman hidup orang Cina di Malaysia, Fang Beifang mengendalikannya secara keratan mengufuk dan mengjangkau ruang masa yang agak panjang. Dalam perolakan plot cerita sering ditemui elemen sejarah dalam fiksiyen Fang Beifang. Contohnya novel *Shu da gen shen*, beliau telah menyelitkan peristiwa sejarah pembukaan kawasan Kuala Lumpur oleh Yap Ah Loy serta sejarah pembukaan bandar Taiping. Penyelitan peristiwa sejarah walaupun dapat menggambarkan keadaan sebenar pengalaman hidup pendatang Cina di Tanah Melayu, namun ia telah menjejaskan kelancaran jalan cerita.

5.2 Ekonomi Masyarakat Cina

Sehubungan dengan tema aktiviti ekonomi masyarakat Cina, Fang Beifang memperbincangkannya dari dua aspek: (1) menggambarkan secara seluruhan kegiatan ekonomi yang diusahakan oleh masyarakat Cina dalam proses pembangunan negara, dan (2) memaparkan secara khusus sifat ragam watak oportunis yang menimba kekayaan dalam masyarakat Cina.

Dalam ketiga-tiga novel *Shu da gen shen*, *Nyonya dan baba*, serta *Toujia menxia*, terdapat gambaran bagaimana generasi pertama orang Cina berbanting tulang sehingga mengorbankan diri demi pembangunan ekonomi negara. Misalnya Hua Ren dalam *Shu da gen shen*, Li Tianfu 李天福 dalam *Nyonya dan baba*, serta Shi Delin 史德林 dalam *Toujia menxia*, merupakan contoh tipikal kapitalis Cina generasi pertama yang mempunyai sifat gigih berusaha dan jimat cermat. Suatu persamaan bagi ketiga-tiga orang ini ialah mereka berasal dari negeri China dan merantau ke Tanah Melayu. Mereka datang dengan hanya sehelai kain baju sahaja. Antara mereka Shi Delin menjadi tukang gunting, sementara Hua Ren dan Li Tianfu terpaksa menjualkan diri mereka sebagai *zhuzai* (buruh kasar) di bidang perladangan dan perlombongan. Selepas berjaya menebuskan diri daripada menjadi *zhuzai*, mereka menceburi dalam bidang perniagaan supaya mendirikan empayor ekonomi mereka.

Dari aspek pembentangan watak oportunis, Fang Beifang telah mempertunjukkan pelbagai ragam manusia dalam masyarakat kapitalis. Umpamanya Shi Delin dalam *Toujia menxia* yang menjadi kaya melalui cara tipu muslihat, iaitu dengan menipu tauke Lin Dajin 林大进. Shi Delin telah merampas harta Lin Dejin semasa menjadi penjaga rumahnya pada waktu pemerintahan Jepun dan kemudiannya menjadi kaya secara mendadak.

Orang Cina apabila terdedah kepada pengaruh kekayaan, maka mereka senang sekali melupakan dan menghilangkan kualiti-kualiti yang harus diperolehi sebagai anak Cina yang beretika. Mereka sanggup mengorbankan orang lain demi kebaikan diri sendiri tanpa menghirau langsung pertalian darah saudara mara. Inilah persoalan yang dibidas oleh Fang Beifang dalam *Toujia menxia*, sebuah keluarga atasan yang kara raya tetapi sanak saudaranya saling desak-mendesak, bunuh-membunuh, kesemua ini berpunca daripada faktor wang ringgit.

Kematian tauke besar, Shi Delin dan peninggalan harta pusakanya bagaikan suatu malapetaka yang kemudiannya memberantakkan seluruh hidup anggota keluarga itu. Wasiat Shi Delin yang membahagikan hartanya secara sama rata di kalangan anggota keluarga, dan perempuan gundiknya di samping menderma sebahagian besar hartanya kepada Sekolah Menengah Persendirian Fuhua (sekolah yang anak ketiganya berkhidmat), kesemua itu telah menimbulkan pertikaian yang berlarut-larut dan membawa bencana dan kemusnahan. Rumah tauke besar itu

bagai dihuni oleh penghasut, pendengki dan sering tercetus pergaduhan selepas kematiannya. Anak-anaknya saling curiga dan khuatir harta pusaka akan dibolot oleh orang lain. Tamat haloba, dendam dan jauh sekali didorong oleh naluri yang terlalu mementingkan diri telah menyebabkan anaknya Kuanrong 宽荣, Shurong 舒荣, Xiuxiang 秀香, dan Lixiang 李香 merampas hartanya sehingga mengorbankan nyawa perempuan simpanan bapa mereka, Huang Yanhua 黄燕花 serta mencederakan adik ketiganya Fangrong 放荣 sehingga menjadi lumpuh. Tragedi pengelutan yang mengagetkan itu membongkar rahsia hakikat masyarakat kapitalis yang penuh dengan kengerian dan kelumuran darah. Demikianlah, pengarang mengemukakan kejahatan hidup golongan atasan terhadap harta dan maian nafsu. Mereka adalah manusia yang kurang bermoral, dan hidup dengan perlakuan yang bertentangan dengan nilai murni hidup.

5.3 Pendidikan Masyarakat Cina

Sama juga dengan Wei Yun, Fang Beifang pernah menjadi guru. Yang berbeza ialah Wei Yun mengajar buat suatu tempoh pendek tetapi Fang Beifang menganggap pendidikan sebagai kerjaya seumur hidupnya. Pengalaman beliau yang mendalam sebagai seorang pendidik itu telah membolehkan beliau menyelenggarakan subjek pendidikan dengan yakin dalam karya penulisannya.

Sejarah perkembangan pendidikan Cina kelihatan terumbang ambung akibat faktor politik. Sistem pendidikan kebangsaan telah mempengaruhi sistem pendidikan Cina.⁵ Fiksyen Fang Beifang menampilkan beberapa perbentangan tentang sistem pendidikan kebangsaan yang turut mempengaruhi perkembangan pendidikan Cina. *Daoxialai de tongxiang* 倒下来的铜像 merupakan cerpen yang bertemakan penentangan pertukaran sistem Sekolah Menengah Cina menjadi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina.⁶ Dalam karya itu penulis mendedahkan bagaimana masyarakat Cina membantah pertukaran sistem pendidikan yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Cina. Pertukaran sistem pendidikan itu telah

⁵ Pada peringkat awal, pendidikan Cina bebas berkembang. Kerajaan kolonial langsung tidak campur tangan dalam hal pendidikan Cina. Namun, pada awal kurun ke-20, ramai pendidik yang berkhidmat di sekolah-sekolah Cina berasal dari negeri Cina. Kebetulan pada masa itu negeri Cina mengalami perolakan politik yang mendadak. Reformasi ideologi dan budaya pada jangka masa itu telah mengimplikasikan pemikiran golongan berilmiah khasnya. Lantas, golongan pendidik yang berasal dari negeri Cina itu lazimnya bersemangat tinggi dan bervisi unggul untuk mengubah masyarakat. Akibatnya, tingkah langkah mereka itu telah menimbulkan syak wasangka kerajaan kolonial dan seterusnya kerajaan kolonial turut campur tangan dalam hal urusan sekolah Cina. Pada tahun 1920, kerajaan kolonial telah mengadakan suatu peraturan pendaftaran sekolah di seluruh negara. Sejak dari detik itu, boleh dikatakan pendidikan Cina turut terpengaruh oleh perkembangan sistem politik dan sistem pendidikan negara. Dalam proses mencapai kemerdekaan iaitu di antara tahun 1946 hingga 1956, beberapa laporan, rang undang-undang dan akta pendidikan diperbincang serta diperlancarkan. Antaranya seperti: Laporan Pendidikan Malaya (1946), Laporan Pendidikan Holgate (1950), Laporan Bernes dan Laporan Fenn-Wu (1951), Akta Pendidikan (1952), Laporan Razak (1956), kesemuanya turut mempengaruhi perkembangan pendidikan Cina. Rujuk Lim, 1998: 63-65.

⁶ Pada 1960, Laporan Talib telah diluluskan oleh Parlimen. Sejak dari itu, semua sekolah di seluruh negara sama ada sekolah di peringkat rendah atau menengah akan dibahagikan kepada dua jenis, iaitu: sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantarnya, dan satu lagi digelar sekolah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantar yang lain seperti bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris. Selepas perlaksanaan Akta Pendidikan 1961, Sekolah Menengah Cina telah dibahagikan kepada dua jenis, iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina yang mendapat bantuan kerajaan dan Sekolah Menengah Persendirian Cina yang langsung tidak menerima sebarang bantuan dari pihak kerajaan. Sekolah Menengah Persendirian tidak diiktirafkan oleh kerajaan secara rasmi dalam sistem pendidikan kebangsaan. Dalam erti kata lain, sistem peperiksaan atau segala urusan pembangunan sekolah tersebut langsung diketepikan oleh pihak kerajaan. Lantarannya, masalah yang sering timbul dalam Sekolah Menengah Persendirian ialah masalah kewangan serta masalah bilangan murid. Rujuk Lim, 1998: 65-66.

menyebabkan pertukaran penggunaan bahasa pengantar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina. Bahasa Malaysia dijadikan bahasa penganntar dan masa kelas bahasa Cina juga dikurangkan menjadi 120 minit seminggu sahaja. Pengurangan waktu pembelajaran Bahasa Cina ini akan menjejaskan prestasi Bahasa Cina khasnya bagi murid Cina.

Satu persoalan lagi yang sering ditonjolkan dalam tema fiksiyen ialah masalah yang dihadapi oleh Sekolah Menengah Persendirian. Contohnya masalah kewangan sekolah. Sekolah swasta ini sering dikehendaki mengadakan kutipan derma seperti dalam novel *Toujia menxia*. Amalan ini sering mendatangkan kerumitan khasnya kepada pengetua. Masalah kewangan juga menjejaskan ganjaran guru dan mengakibatkan penghidupan para guru miskin papa. Watak Xu Youming 许有明 dalam *Jiaoshu xiansheng* 教书先生 (Guru), pernah meluahkan masalahnya kepada kawannya dengan mengatakan gajinya cuma dua ratus dua puluh ringgit sahaja, tetapi dia terpaksa menyara sekeluarganya yang terdiri daripada enam orang. Tambahan pula dengan berlakunya inflasi, keadaan menjadi lebih rumit. Imej guru yang miskin papa juga dapat dijumpai dalam *Baba yujie* 爸爸遇劫 (Bapa Menimba Kemalangan).

Masalah kewangan bukan sahaja mempengaruhi penghidupan guru bahkan merumitkan sesetengah murid yang miskin. Oleh sebab Sekolah Menengah Persendirian tidak dapat bantuan kewangan daripada pihak kerajaan, maka murid

juga dikehendaki membayar yuran sekolah dan ini membebankan murid yang berasal dari keluarga miskin. Kemiskinan sering menimbulkan kerungsingan minda mereka yang kurang berada dan seterusnya menjejaskan pembelajaran mereka. Contohnya, masalah yang dihadapi oleh Xiuzhuang 秀壮 dalam *Rang wo huaxaiqu* 让我活下去 (Biarku Hidup). Dia terpaksa membayar bayaran yuran sekolahnya sehingga keluarganya tiada wang berlebihan bagi adiknya Xiuyi 秀子 yang sakit tenat. Ekorannya Xiuzhuang terpaksa mencari wang dengan meminjam dari orang lain. Akan tetapi adiknya telah menghembuskan nafas terakhir akibat lambat dirawat.

Suatu lagi fenomena negatif yang cuba didedahkan oleh Fang Beifang ialah masalah nepotisme. Cerpen *Xianshi de xianshi* 现实的现实 (Kerealitian dalam Realiti) dan *Baba yujie* bertemakan masalah nepotisme semasa pengambilan guru yang bukan berdasarkan kelayakan akademik tetapi mengikut pilih kasih Pengerusi Jemaah Sekolah.

Dalam masyarakat Malaya, Pengerusi Jemaah Pengelola Sekolah adalah "tauke" (Fang, 1956: 112).

Lazimnya Pengerusi Jemaah Pengelola Sekolah adalah terdiri daripada mereka yang kaya dan mempunyai status sosial. Kebanyakan Pengerusi Jemaah Pengelola Sekolah menderma wang kepada sesebuah sekolah bukanlah berniat sudi demi pembagunan sesebuah sekolah tetapi lebih kepada kepentingan diri supaya

menjadi terkenal. Akibatnya, Pengerusi Jemaah Pengelola Sekolah itu kelihatan seperti tauke yang menguruskan sekolah. Mereka mempermainkan segala kuasa terutama kuasa kewangan dalam tangan mereka untuk melakukan apa-apa sahaja mengikut kehendak diri mereka. Pengerusi Jemaah Pengelola Sekolah yang terlalu campur tangan telah mempengaruhi sistem pentadiran sekolah seterusnya menjejaskan taraf akademik pelajar.

Fang Beifang juga amat menyelami sikap ragam sesetengah golongan oportunist dalam dunia pendidikan. Dengan nada sindir atau kritik, beliau cuba membidas golongan oportunist yang tidak berniat murni melibatkan diri dalam arena pendidikan.

Thu Shugong 屠叔公 dalam novelnya *Shuohuang de shijie* merupakan contoh tipikal watak antagonis yang memperlibatkan diri dalam arena pendidikan dengan niat disebaliknya. Dia menderma wang ringgit kepada sekolah bukan secara tulus ikhlas, tetapi untuk memancing kenamaan terutamanya berharap sekolah tersebut dapat menghantarkan murid-murid sekolah supaya “memeriahkan” upacara pengebumiannya kelak.⁷ Akibat wang derma itu, Thu Shugong memegang jawatan pengerusi Jemaah Pengelola Sekolah.

⁷ Bagi masyarakat Cina, mereka sangat mengutamakan kemeriahan semasa mengadakan majlis perkahwinan dan upacara pengebumian yang dianggap dapat menunjukkan status seseorang. Terutamanya dalam upacara pengebumian, kehadiran bilangan orang yang ramai ketika perarakan upacara pengebumian menunjukkan status sosial seseorang semasa dia masih hidup.

Semasa Thu Shugong menjadi pengerusi Jemaah Pengelola, dia telah campur tangan dengan seriusnya dalam urusan pentadbiran sekolah. Dia melakukan apa sahaja dengan sesuka hatinya. Sekolah itu telah bertukar lebih daripada sepuluh orang pengetua dalam jangka masa lima tahun. Yang amat menyindirkan ialah Tu Shugong sendiri menjadi pengetua sekolah itu pada akhirnya. Tingkah laku dia itu telah menyebabkan sistem pengurusan sekolah menjadi huru hara. Demikian hasrat Fang Beifang membidas sikap negatif sesetengah golongan berada dalam masyarakat yang menderma wang ringgit untuk menyokong pendidikan semata-mata sebagai batu loncatan demi kebaikan mereka diri sendiri. Fenomena negatif pendidikan demikian ternyata akan menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Fang Beifang turut mengutuk mereka yang digelar sampah pendidikan yang merosakkan nama baik sekolah. Contohnya Shouzi Gao 瘦子高 dalam cerpen *Chilai chiqu* 吃来吃去 (Saling Memperdaya), seorang oportunist yang mempergunakan kawasan sekolah melakukan perbuatan salah dari segi undang-undang. Shouzi Gao meminjamkan tempat kawasan sekolah untuk menyimpan stok tanpa bayar duti kastam.

Berdasarkan penelitian fiksi di atas, Fang Beifang dengan tegasnya mengkritik fenomena negatif dalam lapangan pendidikan. Beliau berharap

pendedahan sedemikian sedikit sebanyak dapat menyedari masyarakat Cina membanteraskan fenomena negatif itu.

Selain membincangkan topik mengenai masalah sistem pendidikan Cina, Fang Beifang turut mempamerkan imej guru yang cintakan pendidikan serta bersemangat tinggi dalam mendidik generasi muda. Ini merupakan hemat beliau dalam usaha mencapai hasrat “karya penulisan yang berfungsi pengajaran”. Watak-watak pendidik yang berkaliber, bertanggungjawab, bervisi tinggi, tebal dengan semangat mendidik, kesemuanya terloncat keluar dalam kertas karya penulisannya. Contohnya watak Fangrong dalam *Toujia menxia*.

Watak Fangrong merupakan seorang tokoh pendidik Cina yang sanggup mengorban demi kepentingan dan pembangunan pendidikan Cina. Fangrong, anak ketiga kepada Shi Delin merupakan seorang yang berjiwa tinggi terhadap kebudayaan Cina dan benar-benar menyokong serta mencintai pendidikan Cina. Sebagai pengetua Sekolah Persendirian Fuhua 福华, dia menguruskan pentadbiran sekolah dengan baiknya. Selain daripada menjamin prestasi akademik pelajar, Fangrong juga giat berusaha mencari sokongan wang ringgit dari orang ramai demi pembangunan sekolah, malahan ada kalanya dia tidak mengambil ganjaran bulanan semata-mata untuk mengatasi masalah kewangan sekolah. Fangrong boleh dikatakan sebagai seorang pendidik yang progresif dan sanggup mengorbankan kepentingan diri sendiri demi pembagunan pendidikan. Semangat besi wajanya

untuk mendidik anak bangsa begitu teguh. Akan tetapi, akhirnya dia dicerderakan oleh abang kandungnya sendiri sehingga menjadi lumpuh kerana ayahnya telah mendermakan sebahagian besar warisan hartanya untuk tabung pembangunan sekolahnya. Hasrat penulis mempersusunkan plot cerita sedemikian ialah membidas golongan keji yang tidak bermaruah dan ini seterusnya membawa suatu perbandingan kontras bagi memuji-muji etika mulia seorang pendidik nusa dan bangsa.

5.4 Etika dan Budaya

Wu An 吴岸 mengatakan bahawa fiksyen Fang Beifang banyak membongkar serta mengkritik kegelapan masyarakat dan fenomena ketidakadilan. Fang Beifang kelihatan bersimpati dengan golongan yang tertindas serta yang kurang bernasib baik. Pemikiran humanismenya disuburi oleh nilai-nilai murni kebudayaan Cina.⁸

⁸ Etika orang Cina dipengaruhi oleh budaya yang diwarisi mereka. Kebudayaan Cina mengkombinasikan tiga pemikiran yang utama iaitu pemikiran Konfusianisme, Taonisme dan Buddhisme. Pemikiran Taonisme mementingkan konsep mengendali sesuatu dengan tabii *wuwei* 无为 (tanpa bertindak), membiarkan segala-galanya kembali kepada alam semulajadi. Pemikiran Buddha pula mengatakan bahawa penghidupan adalah *duka* (*suffer*), justeru itu, manusia haruslah berbuat baik. Perbuatan baik dan jahat akan mendapat balasan kemudiannya. Pemikiran Buddha juga mengutamakan penyucian minda yang membolehkan manusia menamatkan *duka* (kesukaran). Pemikiran Konfusianisme merupakan aliran utama kebudayaan Cina. Ia mengutamakan sifat manusia *renxing* 人性 (insaniah). Seseorang yang mempunyai insaniah dikenali sebagai *ren* 仁 (perikemanusiaan). Segala pemikiran Konfusianisme dapatlah dirumuskan kepada dua puluh empat perkataan, iaitu *zhongyong* 中庸 (taat setia dan berani), *xinyi* 信义 (amanah dan keyakinan), *zhonghe* 中和 (keadilan dan harmonis), *jiejian* 节俭 (jimat cermat), *xiaoyou* 孝友 (ketaatan kepada ibu bapa dan kawan), *lianchi* 廉耻 (kemuliaan dan tahu berperasaan aib), *kuanshu* 宽恕 (bersifat pengampun), *qinlao* 勤劳 (rajin berusaha), *renai* 仁爱 (ramah tamah), *lirang* 礼让 (budi bahasa), *qiangyi* 强毅 (keteguhan dan ketabahan), *zhencheng* 真诚 (tulus dan kemurnian). Kesemua ini mengajar orang bagaimana menjadi seseorang yang baik. Rujuk Wu Deyao 吴德耀, 1995:14-15; Chen Zhiliang 陈志良, 1996: 328-352.

Secara keseluruhan, konsep penting yang menjadi kunci perbincangan topik etika dalam karya fiksi Fang Beifang ialah "ren". Jika kita mengamati karya fiksiennya, kelihatannya pengarang ingin bertindak sebagai seorang moralis yang ingin mengajar dan membawa pembacanya ke arah jalan yang benar. Akan tetapi beliau kelihatan terlalu mempertunjukkan nilai murni dalam karyanya sehingga menyebabkan hasil karya terlalu bersifat "mengajar".

Telah dinyatakan sebelum ini bahawa Fang Beifang terikat kuat kepada norma dan nilai serta segala bentuk peraturan masyarakatnya. Dalam proses penghasilan karya, secara hasrat atau keinginannya, unsur etika masyarakat khasnya etika orang Cina kelihatan diterapkan dalam hasil karyanya. Etika dan susila adalah merupakan unsur-unsur yang cukup penting dan berfungsi yang mengiringi hidup masyarakat Cina sejak zaman berzaman hingga kini. Hal ini sudah sebatih dengan darah daging mereka dan mereka mengamalkan dasar etika dan susila yang positif, yang baik dalam semua aspek kehidupan, sesuai dengan suasana persekitaran mereka.

Fiksi Fang Beifang banyak memuji dan menyanjung tinggi nilai-nilai murni etika Cina. Dalam *Shu da gen shen*, watak Hua Ren dilukis sebagai seorang yang berbudi perkerti. Nama watak Hua Ren 华仁, "hua" 华 merujuk kepada orang Cina

dan “*ren*” 仁 bermaksud perikemanusiaan atau orang yang berinasiah. Jadi, Hua Ren menyimbolikan orang Cina yang berbudi perkerti atau berperikemanusiaan. Justeru itu, Fang Beifang mempertunjukkan nilai murni watak protagonis Hua Ren. Hua Ren juga menunjukkan sifat ramah tamah (*renai* 仁爱) serta tulus dan kemurnian (*zhencheng* 真诚) terhadap kawannya. Apabila kawan sekampungnya mati ditembak oleh anasir Komunis, Hua Ren memikul tanggungjawab seorang kawan dengan membantu keluarganya terutama anak tunggalnya.

Sebagai anggota utama dalam keluarga pula, Hua Ren tidak lupa tentang tanggungjawabnya sebagai suami dan bapa; dia bertungkus lumus serta berpeluh keringat mencari nafkah bagi kesenangan isteri serta anak-anaknya. Nilai-nilai rajin berusaha (*qinlao* 勤劳), jimat cermat (*jiejian* 节俭) keteguhan dan ketabahan (*qiangyi* 强毅) nyatanya terpahat kukuh dalam batin Hua Ren. Sebagai anak warganegara, Hua Ren juga memperlihatkan taat setia dan berani (*zhongyong* 忠勇) terhadap negaranya terutamanya semasa darurat, apabila keadaan masyarakat bergelora.

Seorang lagi contoh tipikal Cina yang berbudi bahasa ialah Lin Xiba dalam *Nyonya dan bapa*. Anak kepada Lin Baba, Lin Xiba, dia telah dididik oleh bapa saudaranya yang berpendidikan Cina. Sejak kecil, pemikiran Li Xiba telah diasuh dan disemai dengan bibit-bibit nilai-nilai murni kebudayaan Cina. Dia seorang yang tabah, sopan dan bersusila, tahu bersyukur, rajin, amanah, taat setia, tulus dan murni. Walaupun bapanya tidak menjaga dia kerana mengahwini gadis lain, Lin

Xiba bukan sahaja tidak menyalahkannya tetapi tetap menghormati bapanya dan berasa berhutang budi terhadap bapanya. Dia telah menjaga bapanya semasa dia sakit tenat sehingga orang tua itu menghembus nafas terakhir di dunia ini. Pendek kata, Li Xiba adalah representatif golongan Cina yang berkelakuan mulia.

Selain daripada memuji-puji nilai murni etika kebudayaan Cina sahaja, Fang Beifang juga cuba mengkritik dengan sepedas-pedasnya perbuatan seseorang yang jahat dan keji. Beliau mempergunakan nada sinis yang dingin membidas angkara golongan tidak bermoral itu. Dalam cerpen *Chilai chiqu*, watak Shouzi Gao 瘦子高 dan Pangzi Lin 胖子林 yang sering memperdaya orang lain demi kepentingan sendiri. Watak Qishu 七叔 dalam cerpen *Canju* 残局 (Kegagalan) yang merupakan seorang yang bersifat "kacang lupakan kulit". Dia bukan sahaja tidak membalas budi kepada Caixiang 彩香 tetapi menyakit hatinya dengan melakukan perbuatan sumbang. Lu Fu 陆福 dalam *Liu qin wuqin* 六亲无亲 (Enggan Berkenalan), merupakan seorang mata duitan yang pentingkan wang daripada kasih sayang saudara. Dia enggan meminjamkan cuma tiga puluh ringgit kepada anak saudaranya yang sakit tenat untuk rawatan. Akan tetapi ketika mendengar ada orang yang ingin mendermakan wang sebanyak dua ribu ringgit kepada anak saudaranya, dia teringin-ingin mengetahui siapakah pemurah hati itu.

"Beritahu aku namanya, aku akan berterima kasih terhadap kau."

"Kenapa kau mahu mengetahui siapa namanya?"

"Nak berkawan dengan dialah!"

"Adakah kau anggap dia itu orang berada?"

"Berkawan dengan orang sedemikian mesti ada faedahnya."

(Fang,1985: 26)

Cerpen *Liu qin wuqin* kelihatan membidaskan sesetengah orang Cina yang kaya tetapi tidak berperikemanusiaan. Kelakuan Lu Fu yang menekankan wang tanpa menghiraukan kasih sayang saudara merupakan suatu tabiat yang dikecam oleh penulis.

Fang Beifang memaparkan topik etika atau moral masyarakat dengan menggunakan watak-watak novel sebagai satu lambang saluran fikiran dan kritiknya. Beliau lazimnya akan mengkritik serta menyindir gelagat negatif manusia dan mengalu-alu serta memuja-muja sikap positif manusia. Hemat Fang Beifang tidak lain daripada menyedari segenap lapisan masyarakat supaya dapat “mengubah masyarakat dan memimpin masyarakat”. Namun begitu, teknik penyampaian serta intensiti gambaran watak fiksyennya kelihatan terlalu ideal dan kurang rasional dalam dunia sebenar. Contohnya, dalam novel *Shu da gen shen*, penggolongan sifat watak protagonis dan antagonis adalah begitu nyata sekali. Sifat seseorang watak protagonis adalah bersifat baik-baik belaka manakala sikap watak antagonis pula dideskripsikan seburuk-buruknya. Watak Huaren dalam *Shu da gen shen* yang merupakan seorang yang baik-baik belaka, rajin berusaha, berdedikasi, ramah tamah, berwibawa, dan jujur, sementara watak antagonisnya seperti Lim Baba dalam *Nyonya dan baba* diceritakan sebagai seorang antagonis yang sejahat-jahatnya. Lim Baba yang malas, kaki perempuan, berdusta, penderhaka, dan kaki

judi itu seolah-olah seorang yang bergerak-geri tidak bersahsiah dan bersikap seburuk-buruknya. Perwatakan demikian merupakan suatu cara yang ideal, sedangkan pada realitinya sifat seseorang adalah statik dan dipengaruhi oleh keadaan sekelilingnya.

5.5 Kekeluargaan

Dalam masyarakat tradisional orang Cina, perwarisan zuriat merupakan perkara utama dalam sesebuah keluarga dan sistem keluarga luas dikira amat penting bagi masyarakat Cina. Purata saiz isipadu selalunya memang besar dengan beberapa banyak generasi tinggal di bawah satu bumbung. Masyarakat Cina percaya kalau sesebuah keluarga itu mempunyai anak cucu yang ramai, maka perkara ini dikatakan mempunyai tuah. Mereka juga memikirkan bahawa kononnya *Sandai tongtang* 三代同堂 (tiga generasi yang tinggal di bawah satu bumbung yang bersama) akan membawa tuah ataupun menandakan kedarjatan dan kemuliaan sesebuah keluarga.

Tentang topik kekeluargaan, Fang Beifang mengemukakan pemikiran “keutamaan perwarisan zuriat” dalam novel *Shu da gen shen*. Dalam novel tersebut, watak Hua Guoming telah berkahwin dan mendapat dua belas anak yang tinggal bersama. Cucu cicitnya pula berjumlah dua puluh tiga orang. Fang Beifang

menyatakan itulah satu tanda pembawa tuah ataupun menandakan kedarjatan dan kemuliaan sesebuah keluarga dalam masyarakat Cina. Begitu juga dalam novel *Toujia menxia*, tauke Shi Delin juga mempunyai anak cucu yang ramai. Dia mempunyai empat orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan, cucu cicitnya pula sejumlah sembilan belas orang.⁹

Di samping menganggap beranak cucu ramai sebagai penanda yang bertuah, masyarakat Cina juga amat menekankan bahawa perwarisan zuriat itu menunjukkan taat setia kepada ibu bapa. Cuba lihat kata-kata yang dikeluarkan dari mulut watak Hua Guoming dalam fiksiyen pengarang:

Guoming bertutur dengan pakciknya, Hua Yi:
Bukankah kua yang selalu mengatakan bahawa terdapat tiga keadaan menunjukkan seseorang itu tidak taat setia kepada ibu bapa, dan tiada zuriat itu dikira kesalahan yang serius sekali... (1985a: 174).

5.6 Perkahwinan dan Percintaan

Dalam konvensi masyarakat Cina, perkahwinan pemuda-pemudi ditentukan oleh ibu bapa. Sebelum kahwin, kedua-dua suami isteri kebanyakannya tidak kenal antara satu sama lain, dan percintaan mereka dipupuk selepas kedua-dua suami isteri itu berkahwin. Orang Cina yang datang ke Tanah Melayu pada mulanya

⁹ Untuk carta menunjukkan jumlah ahli keluarga watak Hua Ren dan watak Shi Delin, sila rujuk lampiran 2.

masih mengamalkan tradisi ini. Lama kelamaan, kebebasan pergaulan telah menyebabkan ramai pemuda-pemudi bebas bercinta sebelum berkahwin. Kebanyakan pemuda-pemudi tidak lagi bergantung kepada ibu bapa mereka supaya memilih jodoh untuk mereka. Mereka sendiri mencari jodoh masing-masing, malahan ada di antara orang Cina yang berkahwin dengan kaum lain seperti orang Melayu dan India.

Dalam *Nyonya dan Baba*, perkahwinan diatur oleh ibu bapa. Contohnya sebelum Lin Nyonya berkahwin dengan Chen Billy 林彼利, ibunya campur tangan dalam hal perijodohan Lin Nyonya dengan berharap dia boleh berkahwin golongan baba. Ibu Lin Nyonya membangkang hal perkahwinan itu walaupun akhirnya mereka berkahwin juga, itu pun harus menepati syarat ibu Nyonya yang mahukan Billy “dikahwin masuk”¹⁰ ke keluarganya dan anak mereka dikehendaki mewariskan nama ibu. Lazimnya dalam masyarakat konvensional Cina, ibu bapa akan cuba mencari jodoh anak mereka yang dikatakan bersesuaian dan sama taraf (*mendang hudui* 门当户对). Mereka juga mempertimbangkan nama keluarga anak gadis yang bakal menjadi menantu mereka. Nama keluarga anak gadis yang sama dengan nama keluarga anak mereka dianggap tidak sesuai. Ini dapat dipersoalkan dalam perbualan Lin Nyonya dengan anaknya Lin Baba ketika Baba ingin berkahwin dengan gadis yang sama nama keluarga dengannya.

¹⁰ Menurut Freedman, perkahwinan jenis ini berlaku dalam masyarakat baba dan nyonya di mana keluarga nyonya mahukan pengantin lelaki berpindah masuk ke rumah pengantin perempuan dan tinggal bersama dengan keluarga pengantin perempuan. Rujuk Tan Cee Beng, 1984: 176.

Tentang hal percintaan antara teruna muda, Fang Beifang berpemikiran optimis atau lebih ideal. Umpamanya dalam *Bingcheng 72 xiaoshi*, Fang Beifang cuba mengutarakan percintaan antara kaum iaitu percintaan antara Rutimah dengan Chen Jileng yang sebenarnya merupakan percintaan yang ideal bagi penulis. Percintaan yang dipaparkan oleh Fang Beifang dalam *Bingcheng 72 xiaoshi* adalah berunsur cerita dongeng (*fairy tale*). Watak utamanya seperti putera dan puteri dalam cerita dongeng, iaitu setelah putera dan puteri mengalami pelbagai kesusahan, akhirnya mereka berkahwin dan hidup dengan bahagia buat selama-lamanya. Penggambaran percintaan yang ideal ini walaupun tidak mendukung aspek realiti hidup masyarakat yang sebenarnya, merupakan tujuan Fang Beifang yang ingin menyampaikan mesej bahawa percintaan sejati dan murni mungkin wujud antara kaum yang berlainan.

5.7 Interaksi Kaum

Perkembangan sejarah Malaysia telah mencorakkan keadaan dan sikap penduduk Malaysia yang pelbagai bangsa. Dalam masyarakat Malaysia yang majmuk ini, seandainya sesuatu kaum tidak ada pemahaman yang menyeluruh tentang aspirasi dan hasrat kaum yang lain, tentulah matlamat integrasi nasional tidak dapat disempurnakan. Fang Beifang sebagai tokoh sastera Mahua yang peka

terhadap perkembangan masyarakat serta nusa bangsanya, menyadari tentang realiti masyarakat yang berbilang kaum di negara ini, dan kerap mengambil perhatian tentang soal hubungan kaum dalam karya fiksiennya.

Dalam perwatakan watak bukan Cina, Fang Beifang menitikberatkan nilai-nilai murni dan sikap positif seperti rajin berusaha, tekun, sanggup bekerja keras, ramah tamah, baik budi, rela menolong, senang bergaul dengan kaum asing, dan sanggup berkorban demi orang lain. Umpamanya dalam *Jiangcheng yeyu*, pemuda Melayu, Samad Ali, merupakan seorang Melayu yang gagah berani, murah hati dan rela menolong sesiapa pun tanpa mengira apa-apa jenis bangsa. Semasa peperangan Jepun, dia telah menyelamatkan rakan seperjuangannya yang berbangsa lain iaitu Tan (Cina) dan Samy (India). Sebagaimana yang diceritakan dalam cerpen *Jiangcheng yeyu*, Tan dan Samy masing-masing telah cedera parah dan tidak sedarkan diri semasa saat genting bertempung dengan tentera Jepun di hulu sungai Muar. Apabila mereka sedar diri, mereka dapat tahu bahawa nyawa mereka telah diselamatkan oleh Samad Ali. Cuba perhatikan luahan suara hati watak Tan terhadap jasa Samad Ali:

Aku (Tan) mengenang akan Samad Ali yang berbadan tegap dan berwajah seri lapan belas tahun yang lalu. Pada ketika itu kalau bukan kerana kegagahan dan kepintaran kau yang menyelamatkanku, aku mungkin sudah terkorban, maka hari ini aku cuma menunaikan tanggungjawabku (Fang, 1970: 21).

Seorang lagi watak bukan Cina yang diperwatakan dengan mempunyai etika mulia ialah Hasan dalam novel *Bincheng 72 xiaoshi*. Hasan ialah seorang penghulu

kampung yang pemurah. Dia sering menghulurkan bantuan kepada mereka yang miskin papa. Di samping itu, Hasan juga merupakan seorang penghulu yang sabar, berfikiran waras dan tidak mahu bertindak balas dengan kekerasan. Apabila anak saudaranya, Samad, bersama dengan kawannya menghasut pemuda kampung Melayu menyerang kampung orang Cina, Hasan bukan sahaja tidak pilih kasih tetapi bertindak dengan adilnya. Dengan pemikiran yang waras, Hasan menyiasat sendiri masalah yang ditimbulkan oleh Samad dan menjelaskan keadaan yang sebenar kepada anak buahnya.

Sifat-sifat positif yang terdapat pada watak Melayu dalam novel Fang Beifang telah membawa kesan yang tertentu dalam menjalin hubungan kaum yang baik di kalangan masyarakat kita. Gambaran yang baik terhadap orang-orang Melayu akan membantu mengikis tanggapan yang negatif dan syak wasangka antara orang Cina dengan orang Melayu. Lantasnya, pemahaman antara satu kaum dengan kaum yang lain akan melahirkan satu rupa bangsa Malaysia yang cukup istimewa dan serba unik. Idea tentang kelahiran satu bangsa Malaysia sangat ditekankan oleh Fang Beifang. Idea ini disebut berulang kali dalam novel *Bincheng 72 xiaoshi*:

...Secara seriusnya kita merupakan bangsa Malaya (Fang, 1961: 48).
Ini kerana kita sebenarnya sekeluarga.
Ya, kita sebenarnya sekeluarga (Fang, 141-142).

Ada antara kita yang berasal dari India; ada antara kita yang berasal dari Jawa; ada antara kita yang berasal dari China, akan tetapi kita semuanya merupakan bangsa Malaya (Fang, 1961: 150).

Demikian nada tegas Fang Beifang tentang perpaduan yang jitu bagi semua kaum di Malaysia. Suara tegas ini sering kita jumpai dalam watak fiksyennya. Fang Beifang kelihatan memperwatakan manusia di bawah penanya sebagai sesuatu pembawa mesej beliau.

Fang Beifang juga menegaskan bahawa sikap toleransi, sabar menyabar, dan ampun grasi akan menawarkan ketegangan akibat perselisih faham antara kaum. Fang Beifang berpendapat bahawa perselisih faham dan ketegangan antara kaum cuma timbul dari perkara yang kecil-kecil belaka. Namun begitu, jika perkara kecil tidak diselesai dengan cermat, mungkin ia akan memperdalamkan jurang perhubungan kaum dan mengakibatkan tragedi pertumpahan darah yang tidak diingini.

Mesej ini kelihatan terlontar keluar dalam novel *Bincheng 72 xiaoshi*. Novel ini telah menyentuh hal toleransi dan ampun grasi antara pelbagai kaum dengan selanjutnya. Umpamanya, Samad yang mencintai sepupunya Rutimah tetapi tidak dilayan, telah mendendam hati terhadap Chen Jileng yang dikatakan merampas kekasihnya. Samad telah mengapi-apikan orang ramai supaya bermusuhan dengan Jileng. Dia mengambil kesempatan ketegangan perhubungan kaum di kawasan bandar tempat tinggalnya, mengatur berbagai-bagai rancangan supaya orang Melayu di kampungnya bermusuhan dengan orang Cina di kampung Jileng. Dalam satu pertempuran penduduk kampung, Samad cuba menyerang Jileng dengan

parang tetapi Jileng diselamatkan oleh kawan-kawannya. Akhirnya Samad ditawan dan ramai orang hendak memukulnya. Akan tetapi Samad tidak teruk sangat diserang kerana Jileng melindunginya daripada serangan orang-orang Cina. Perbuatan Jileng itu agak menyentuhkan hati orang-orang Melayu, dan dengan seruan ketua-ketua kampung, masing-masing pun berhenti berkelahi. Akhirnya dengan penjelasan yang jujur serta dengan kesudian mengaku salah masing-masing pihak, kesalahfahaman pun dapat dijelaskan.

Dalam plot cerita *Bincheng 72 xiaoshi*, mesej pengarang cukup terus terang, iaitu dalam masyarakat berbilang kaum, hubungan kaum merupakan perkara yang sensitif dan rumit. Perkara-perkara kecil, jika tidak dikawal, mungkin membawa kesan buruk kepada kedamaian kaum yang sedia ada. Dalam pada itu anasir-anasir jahat senantiasa menunggu kesempatan untuk kepentingan sendiri tanpa kira akibatnya pada ketenteraman masyarakat. Oleh itu, pengarang mengharapkan orang ramai harus sentiasa berhati-hati, bersabar dan berusaha menyelesaikan perselisihan dan kesalahfahaman dengan jujur demi keharmonian antara kaum yang memang sedia terjalin sejak ratusan tahun.

5.8 Kahwin Campur

Soal kahwin campur menjadi tema yang cukup disenangi oleh Fang Beifang baik dalam cerpennya mahupun dalam novelnya. Novel *Bincheng 72 xiaoshi*, menyentuh secara terus perhubungan kaum antara orang Melayu dengan orang Cina, dengan berlatarbelakangkan percintaan antara seorang pemuda Cina, Chen Jileng 陈吉冷 dengan seorang gadis Melayu, Rutimah. Kedua-dua teruna dara ini berasal dari mukim yang sama di Pulau Pinang, bersahabat baik sejak waktu kecil dan kemudian jatuh cinta antara satu sama lain. Penulis menggambarkan peristiwa percintaan dan akhirnya perkahwinan antara Jileng dengan Rutimah, demi mengesyorkan perkahwinan antara kaum itu berkemungkinan dapat membantu mempertingkatkan hubungan kaum yang sedia ada. Cuba perhatikan pendapat Rutimah tentang percintaannya dengan Chen Jileng, yang mana pendapat itu juga suara hati penulis:

“.... Tambahan pula, memang wajarnya kita berdua bercinta, terutama sekali di negara Malaya yang berbilang kaum, kita lagi patut memperkembangkan semangat cinta mencintai antara satu sama lain. Justeru itu, kita mesti berani berjuang terhadap mereka yang berpemikiran rasialisme supaya mereka menyedari bahawa rakyat Malaya hanya dengan kahwin campur, baru boleh saling bantu membantu dan hidup bersepadu. Lantasnya masa kelak negara akan cerah.” (Fang, 1961:138)

Cerpen *Jiangcheng yeyu* juga bertemakan kahwin campur iaitu menceritakan perkahwinan antara kaum Melayu (Samad Ali) dengan kaum India (Milah). Milah pada mulanya ialah kekasih kepada Sami. Sewaktu peperangan Jepun, dia telah

berpisah dengan Sami dan kemudiannya berkahwin dengan Samad Ali, seorang pemuda Melayu yang berbudi bahasa.

5.9 Penderitaan Golongan Miskin

Fang Beifang sering menggambarkan kehidupan golongan miskin dengan jelas dan realistik dalam fiksyennya. Golongan yang dicengkam oleh kemiskinan lazimnya terdiri daripada golongan guru, pekerja yang bergaji rendah, pekedai kecil, dan buruh kasar. Kehidupan yang melarat watak utama amat mengharukan. Kebanyakan watak utama yang miskin papa itu menghadapi maut pada akhir jalan cerita fiksyennya. Mesej yang ingin disampaikan oleh Fang Beifang ialah manusia tidak dapat mengatasi desakan sosial, malahan desakan nasib. Beliau juga berhemat supaya dapat menyedari masyarakat agar menghapuskan kederitaan golongan yang tertindas.

Teras dalam fiksyen Fang Beifang ialah idea bahawa keadaan hidup itu lazimnya merupakan suatu penderitaan. Apakah konsep ini terus menyebabkan seseorang menderitanya, atau penderitaan itu cuma sebagai ujian hidup supaya menuju ke matlamat kebahagiaan, atau penderitaan itu hanya derita jasmaniah sahaja sedangkan dalam penderitaan jasmani itu tersembunyi kebahagiaan batin? Kesemua jawapan ini boleh didapati dalam fiksyen Fang Beifang. Contohnya dalam cerpen

Baba yujie , walaupun “bapa” seorang guru yang miskin papa, tetapi “bapa” tetap tabah dengan pendiriannya supaya menjadi orang yang berprinsip biarpun miskin.

Bagi Fang Beifang kemiskinan adalah ujian hidup yang mungkin mempertabahkan hati seseorang, seperti dalam *Rang wo huoxaiqu*. Xiuzuang seorang pelajar yang miskin. Kemiskinan itu telah menjadi punca kematian adik perempuannya Xiuyi. Namun begitu, Xiuzuang tidak menyalahkan nasibnya malahan dia bertegas bahawa penderitaan adalah ujian hidup supaya menuju ke matlamat kebahagiaan. Dia melaung dalam akhir cerpen yang berbunyi:

Aku tetap tidak akan melupakan kematian adikku, dan aku juga tetap bertegas bahawa bagaimana kami harus terus hidup, pendek kata aku akan tetap terus hidup. (Fang, 1976: 43)

Sesungguhnya Fang Beifang mempamerkan watak yang kurang bernasib baik dan terpaksa menuju jalan hidup yang sengsara dalam karya fiksiennya. Akan tetapi, biar pun watak-watak itu papa kelana, mereka masih berjiwa tabah dan sentiasa membarakan semangat hidup yang cerah.

5.10 Mengutuk Amalan Konvensional yang Negatif

Fang Beifang mempunyai semangat gigih dalam usaha menentang kepincangan dan kekolotan peradaban dalam masyarakat Cina. Beliau menjunjung

hasrat bahawa “yang jernih memang perlu diambil, tetapi yang keruh kena dibuang jua”. Namun begitu, pada hakikinya masyarakat Cina masih banyak mengamalkan amalan konvensional yang negatif. Pada hemat Fang Beifang, segala adat yang usang dan yang dapat meruntuhkan etika budaya masyarakat haruslah dibanteraskan.

Salah satu persoalan yang sering dikritik dan dikecamnya ialah soal “berjudi”. Kebanyakan orang Cina berpendapat “kuda tidak akan gemuk jika tiada makan rumput semalaman; manusia juga tidak akan kaya jika tiada untung nasib yang mendadak” (*ma wu yecao bufei; ren wu hengcai bufu* 马无夜草不肥, 人无横财不富). Jadi tidak hairanlah ramai orang Cina yang gemar menaruh nasib mereka dalam berjudi. Perjudian sudah menjadi suatu gejala sosial yang hangat diperbincangkan oleh penulis KMM, termasuk Fang Beifang.

Cerpen *Rengui zhijian* 人鬼之间 (Bagai Manusia Bagai Hantu) menceritakan Jia Nenggan 能干 yang merupakan seorang kaki judi. Nenggan bukan sahaja gilakan judi, bahkan juga memperlakukan perbuatan yang membabi buta, dan menyembah dewa atau hantu yang kononnya akan membawa tuah. Akan tetapi pada akhirnya, bukan sahaja hutang judinya keliling pinggan, dia juga turut tercedera ketika menyembah dewa. Satu lagi cerpen *Dutu Shouji* 赌徒手记 (Riwayat Seorang Kaki Judi) juga memaparkan seorang kaki judi yang menyebabkan kemusnahan keluarganya: isterinya sakit tenat dan meninggal dunia kerana tiada duit rawatan;

dan anaknya diperjualkan untuk mendapatkan wang menguruskan upacara pengebumian isterinya. Pendek kata, amalan negatif ini telah mengakibatkan kesan negatif kepada kaki judi sendiri dan keluarganya.

5.11 Rumusan

Setelah mencernakan novel-novel Fang Beifang secara keseluruhannya, ternyata bahawa beliau bukan sahaja menyokong teori bahawa “seni harus mencerminkan masyarakat”, beliau juga mempraktikkan prinsip ini dalam hasil karyanya. Dalam proses penciptaan karya, Fang Beifang sering mengutamakan prinsip “seni untuk masyarakat” dan “seni untuk kehidupan”. Beliau amat mementingkan hasil karya yang bersifat “berguna” dan “berpengajaran”. Namun begitu, nada yang terlalu berunsur “mengajar” ini kadang kala menjejaskan kelancaran penceritaan.